

BAB LIMA

HALANGAN-HALANGAN DALAM DIALOG PERADABAN

5.1 Pengenalan

Gagasan dialog peradaban, walaupun mempunyai potensi besar untuk membantu usaha-usaha penyatuan umat manusia di bumi ini, namun ia bukanlah suatu yang mudah. Bahkan sejak awal lagi hingga kini wujud pandangan-pandangan sinis tentang keberhasilannya. Usaha menggerakkannya dilihat tidak lebih sebagai latihan akademik bagi golongan tertentu. Hal ini tentu boleh difahami memandangkan pemasyhuran dialog peradaban tercetus melalui tulisan provokatif seorang profesor Sains Politik iaitu Samuel P. Huntington yang menulis artikel bertajuk '*Clash of Civilizations?*'.

Dari sudut agama juga, wujud suara-suara yang berhujah atas dalil Tuhan yang menganggap ia akan membawa penghakisan kepada akidah peserta. Kenyataan yang dilemparkan turut mengatakan ia adalah usaha yang sia-sia, dan bersifat utopia. Walaubagaimanapun dalam bab ini, penulis cuba menyenaraikan beberapa halangan yang lebih nyata dan konkret yang difikirkan boleh menggenda usaha penganjuran dan pelaksanaan dialog peradaban ini.

5.2 Halangan Dialog Peradaban

Halangan-halangan yang wujud boleh dibahagikan seperti berikut :

5.2.1 Kumpulan Minoriti Berpengaruh

Pengamatan yang objektif ke atas fenomena terorisme menemukan kita kepada hakikat bahawa ia adalah antaranya angkara kumpulan minoriti, dan bukan semestinya mewakili kelompok besar masyarakat atau peradaban. Sikap menghukum, memomok dan *stereotyping* ke atas Islam dan umatnya oleh Barat jelas tidak langsung membantu ke arah pemahaman antara budaya dan agama seperti yang dianjurkan oleh dialog peradaban atau agama-agama besar dunia, atau setidak-tidaknya aliran kemanusiaan sekular. Profesor Dr Hashim Haji Musa dalam kertas kerjanya¹ menjelaskan kemelut politik dan sosial serta agama boleh dicetuskan oleh tiga kumpulan minoriti.

Pertama ialah kumpulan ekstrimis yang mempunyai kecenderungan mentafsir dan melaksanakan sesuatu peraturan atau hukum dengan cara melampaui batas pertengahan dan keseimbangan. Kedua ialah kumpulan chauvinis yang begitu taasub dengan pemikiran dan pendekatannya. Bagi mereka ide dan cara sendiri atau kumpulan mereka sahaja yang terbaik dan paling benar. Manakala fikiran di luar kelompok mereka adalah batil dan mesti ditolak. Ketiga ialah kumpulan fanatik yang menggunakan sesuatu cara,

¹ Profesor Hashim Hj. Musa, *Islam dan Dialog Antara Peradaban : Konsep dan Idealisme*, Kertas kerja dalam Perbincangan Meja Bulat “Islam dan Dialog Peradaban”, anjuran Pusat Dialog Peradaban Universiti Malaya, 23 Disember 2003

pendapat dan pendekatan secara membabi buta (menghampiri psikosis). Sikap dan watak yang tegar ini menolak sekeras-kerasnya sumbangan pihak lain. Melalui paksaan, kekerasan dan aksi militan, semua kumpulan minoriti ini bertanggungjawab mengakibatkan konflik, tragedi kemanusiaan dan pertumpahan darah secara besar-besaran. Impak besar – sama ada bermotifkan politik, sosial atau ekonomi – disengajakan bagi memberikan kesan ketakutan dan pengaruh meluas dan lama serta lebih berkesan ke atas masyarakat dan negara bahkan suasana sejagat. Sejarah merakamkan kumpulan-kumpulan ini telah muncul lama dahulu. Ini dicontohkan oleh kisah pembunuhan dua orang khalifah al-Rashidun iaitu Saidina Uthman r.a. dan Saidina Ali r.a.

Tidak terbatas kepada pengalaman orang Islam, gejala ini turut berlaku ke atas semua bangsa, agama, budaya dan negara bangsa. Polemik yang berlaku di United Kingdom menjelaskan isu ini. Editor Guardian pada 13 Mei 2002, dalam kolumnya bertajuk ‘*Peter Main mis-hits: Separatism is not just an Islamic issue*’ telah menyanggah pandangan Menteri Eropah Peter Main yang mendakwa masyarakat Muslim di England adalah punca fundamentalisme (diasosiasikan dengan aksi ekstrimisme) agama, separatis dan isolanis dalam temu bualnya dengan BBC. Petikan daripada kolumn tersebut menerangkan pendirian yang sewajarnya dari kaca mata objektif peradaban iaitu :

“*Where Mr Hain is wrong in today’s interview in identifying separatism and fundamentalism as purely an Islamic problem. There are fundamentalist in all religions, who rightly make liberals uncomfortable... To suggest this is confined to Muslim is damaging and wrong. We do need a grown-up debate about integration and the causes, such as white discrimination, for the growth of separatism.*”²

² A G Noorani, *Islam and Jihad : Prejudice versus Reality* (New York: Zed Books, 2001), hlm 122

Peristiwa yang menjadi isu antarabangsa seperti pembunuhan tokoh politik seperti Indra Ghandi oleh pelampau Sikh dan Rajiv Ghandi oleh pelampau *Tamil Tigers* Sri Lanka, Yitzak Rabin oleh pelampau ultra-orthodoks Yahudi, pembersihan etnik Bosnia oleh pelampau orthodoks Kristian Yugoslavia, pengeboman bangunan persekutuan di Oklahoma AS oleh pelampau ultra-kanan kulit putih, pencetusan [dan perebakan] rusuhan berdarah Hindu-Muslim di Gujerat India oleh pelampau Hindu dan Islam³ sekadar memberikan bukti nyata mengenai kewujudan gejala ini yang tidak mengira sempadan agama, bangsa, geografi dan budaya.

Justeru, gejala buruk kumpulan minoriti ini perlulah dihapuskan. Jika tidak, menurut Paul Findley, kejahilan dan fanatisme adalah penghalang utama kepada usaha untuk bekerjasama dan mewujudkan perdamaian seperti yang dihajatkan dalam dialog peradaban. Katanya :

*“The greatest barriers to understanding and cooperation are ignorance and it’s ugly step-child, bigotry. Despite enormous strides in mass education during the century now coming to a close, and the magic of the information superhighway, ignorance and bigotry remain the worst enemies of peace.”*⁴

Islam sendiri secara tegas menukilkan betapa bahayanya gejala melampau ini, seperti dalam ayat al-Quran berikut (bermaksud) :

“...Sesiapa yang membunuh seorang manusia dengan tiada alasan yang menjustifikasi pembunuhan itu (seperti hukuman balasan bunuh atas kesalahan membunuh orang lain) atau kesalahan melakukan kerosakan di

³ Profesor Hashim Hj. Musa, *Islam dan Dialog Antara Peradaban : Konsep dan Idealisme*

⁴ Paul Findley, *The Image of Islam in the West*. June/July 1997. (www.washington-report.org/backissues/0697/970603.htm)

muka bumi, maka seolah-olah dia telah membunuh manusia seluruhnya, dan sesiapa yang menjaga keselamatan hidup seorang manusia maka seolah-olah dia telah menjaga keselamatan hidup seluruh manusia ..”

Satu lagi kumpulan yang boleh mempengaruhi pendapat umum kelak ialah kumpulan dalam masyarakat Islam yang mendakwa bahawa dialog antara peradaban atau antara agama adalah suatu yang bercanggah dengan roh Islam. Apatah lagi dalam suasana semasa hari ini di mana umat Islam sering ditindas dan dizalimi, kaedah dialog hanya – secara tersirat – menghalang kewajipan *jihad fi sabilillah* dilaksanakan ke atas musuh-musuh Islam. Usaha dialog, menurut kumpulan ini, yang dipelopori oleh kuasa besar dunia hanya membuang masa dan boleh menangguhkan penyelesaian yang boleh dicapai semata-mata melalui jalan jihad berdepan dengan kaum kuffar, khasnya kuasa AS dan regim Zionis Israel. Penulis berpendapat hujah kumpulan ini, walaubagaimanapun berasas. Apatah lagi ia mempunyai legitimasi dari sudut syarak. Namun, halangan yang dimaksudkan di sini ialah dalam konteks kumpulan yang mendakwa bahawa tiadanya kebaikan bahkan boleh menghakis akidah Islam apabila kita berdialog dengan bukan Islam. Isu ini turut dihuraikan dalam halangan-halangan sebagai *taboo* dalam sub-tajuk akhir bab ini.

5.2.2 Halangan dari Teori Kerukunan Beragama

Sungguhpun agama itu pada asalnya menganjurkan kerukunan di kalangan pengikutnya dan bukan-pengikutnya, namun ia juga boleh menjadi punca perseteruan yang

mengganggu proses kehidupan bermasyarakat. Atas alasan inilah maka lahirnya aliran atau pemikiran baru yang menganjur idea kerukunan beragama. Aliran ini boleh jadi berasal dari kalangan penentang kepada agama yang asal, sama ada dari agama langit atau apatah lagi dari pemikiran manusia. Juga terbit dari kalangan mereka yang kecewa dengan ‘kegagalan’ agama dalam menyelesaikan konflik manusia sejak zaman berzaman. Agama ditanggapi sebagai *spent force* yang tidak lagi mampu mengatasi segala kesulitan hidup manusia. Dalam hal ini, Ramli Awang telah menggariskan beberapa teori kerukunan beragama antaranya sinkritisme, rekonsepsi, sintesis, Teori Pengiktirafan dan *Agree in Disagreement* sebagai jalan keluar kepada permasalahan konflik manusia hari ini.⁵

Walaupun mempunyai niat yang baik iaitu untuk melahirkan kerukunan dan kedamaian antara manusia – misalnya melalui kaedah dialog peradaban, namun pada umumnya ia mengandungi elemen-elemen yang bersalahan dengan kemurniaan dan keaslian ajaran agama asal. Justeru, ajaran-ajarannya mewujudkan fenomena kepura-puraan dalam beragama dan tiada prinsip kehidupan jelas dari sudut aqidah. Kecuali teori yang terakhir, semua teori yang tersebut di atas tidak boleh diterima untuk mencapai maksud kedamaian melalui kaedah dialog peradaban. Sinkritisme, misalnya, berpegang kepada prinsip bahawa semua agama adalah sama. Sri Ramakrishna (1836-1886) yang terkenal mendokong aliran ini menyatakan:

⁵ Ramli Awang, *Islam Alternatif Perpaduan Sejagat* (Penerbit UTM : Skudai, 2003) hlm. 61-64

*“Kita harus menjadi orang Hindu bila bersama orang-orang Hindu, Muslim dengan orang Muslim, Kristian dengan orang Kristian dan menjadi penganut Buddha bila bersama penganut Buddha”.*⁶

Aliran yang mendapat sambutan pihak tertentu ini kemudiannya mendapat kesan besar hasil persidangan agama-agama di Chicago pada tahun 1892 yang merumuskan bahawa “tembok pemisah antara agama telah runtuh” kerana antara Tuhan dengan alam tiada ‘batas pemisah’. Prinsip ini yang diistilahkan sebagai *pan-theisme* atau *pan-cosmisme* atau universalisme ini sangat menyalahi akal rasional kerana menyamakan Pencipta (Allah) dengan makhluk (alam) sedangkan Pencipta itu, dalam Islam, adalah Tuhan yang maha sempurna yang berhak mendapat pengabdian mutlak daripada makhluknya secara *ubudiyah* dan *uluhayyah*.⁷

Di Indonesia polemik mengenai teori yang dikembangkan oleh “teologi pluralis” – sama seperti yang dibawa oleh sinkritisme - menggambarkan halangan yang wujud dalam komuniti majmuk untuk berdialog.⁸ Adian Husaini dalam laman web Al-Islam Pusat Informasi dan Komunikasi Islam Indonesia mendedahkan bahawa penganut teologi ini berpegang, walau apapun agamanya, bahawa tidak ada suatu yang perlu didialogkan di antara mereka sebab mereka sudah menganut teologi yang sama, iaitu “teologi universal” lintas agama. Sikap golongan ini tercermin melalui rumusan-rumusan berikut, misalnya: “*agama-agama lain adalah jalan yang sama-sama sah untuk mencapai kebenaran yang sama*,”, “*agama-agama lain berbicara secara berbeda, tetapi*

⁶ *Ibid.*, hlm. 61

⁷ *Ibid.*, hlm. 64

⁸ Adian Husaini, *Dialog Antaragama Bohong-bohongan, Tanggapan untuk Ulil Abshar Abdalla*, (www.alislam.or.id)

merupakan kebenaran-kebenaran yang sama sah.” atau “*setiap agama mengekspresikan bagian penting sebuah kebenaran.*” Nurcholish Madjid, pendokong teologi ini menjelaskan : “*bahwa setiap agama sebenarnya merupakan ekspresi keimanan kepada Tuhan yang sama.*” Budhy Munawar Rachman pula menyimpulkan “*satu Tuhan dalam banyak jalan.*” Kumpulan ini dengan tegas menolak faham ekslusivisme kerana dalam faham tersebut ada kecenderungan menekan agama lain. Teologi eksklusif ini memegang pandangan bahawa hanya ada satu jalan keselamatan, iaitu agama mereka sendiri. Dalam kecenderungan sebegini, menurut Budhy, akan lahir sikap “*fanatik, dogmatis dan otoriter*” sehingga tidak kondusif untuk pengembangan kerukunan umat beragama, bahkan menjadi punca tercetusnya pergeseran agama.

Tokoh teologi pluralis, Anand Krishna, pula menegaskan : “*orang yang masih menganggap Tuhan orang Kristen berbeda dari Tuhan Yahudi, harus membaca ulang Al-Qur'an. Jika masih melihat perbedaan semacam itu, kita belum khatam Al-Qur'an*” .

Mengadili hujah kumpulan teologi ini, Adian Husaini bersandar kepada hujah Hamka dalam *Tafsir Al-Azhar* (Juz VI, hlm. 323) yang menyatakan bahawa orang yang percaya kepada kebenaran semua agama itu sebagai kelompok *Shabi'in*, seperti yang disebut dalam Surah Al-Maidah ayat 69. Hamka kemudian mendedahkan bahawa kelompok Teosofi yang dikembangkan oleh Annie Besant dan Madame Balavatsky di India pada awal abad ke-20 bermatlamat untuk mempersatukan atau mencari titik temu yang segala agama ada. Menghurai dengan lanjut dalam tafsirnya, Hamka menyatakan:

“*Mulanya, kelompok ini tidak bermaksud hendak membuat agama baru, tetapi hendak mempertemukan intisari segala agama, memperdalam rasa*

keharmonian, tetapi akhirnya mereka tinggalkan segala agama yang pernah mereka tekuni dalam Teosofi.”

Selanjutnya Adian Husaini menjelaskan bahawa kelompok teologi pluralis ini yang mempromosikan faham persamaan agama lazimnya mengabaikan hal-hal yang eksklusif dan substansial yang diyakini oleh pemeluk agama. Beliau mengemukakan beberapa contoh. Kaum Muslim misalnya beriman bahawa agamanya sahaja yang benar (Surah Ali-Imran, 19:85). Dalam Islam juga konsep teologinya (akidah) adalah sangat eksklusif dan langsung tiada kompromi ketika menyatakan keesaan Allah s.w.t. (Surah Al-Ikhlas). Tegasnya Islam dalam hal ini turut diserahkan dalam Surah Al-Maidah, ayat 72-73 yang menghukum kafir kepada penganut ajaran triniti (Kristian) yang beriman kepada ketuhanan Isa al-Masih, dan Surah Al-Bayyinah, ayat 6 yang meletakkan tempat kaum kafir adalah di neraka.

Oleh yang demikian, adalah mustahil, khususnya bagi penganut agama Islam dapat bertoleransi dengan pendekatan seperti ini. Ini jelas menjadi penghalang kepada usaha dialog peradaban antara penganut agama-agama berbeza.

5.2.3 Kewujudan Kuasa Hegemoni Tunggal (Unipolar)

Kesemulajadian jati diri dan keperibadian sosial yang membezakan antara bangsa, masyarakat dan peradaban, pada hemat penulis adalah suatu yang mesti diiktiraf dan dikenalkan sebagai suatu warisan. Namun, agenda Barat yang ingin mewujudkan satu

budaya seragam berasaskan nilai Amerika adalah penghalang utama kepada usaha mewujudkan kepelbagaiannya kebudayaan (*cultural diversity*) ini. Hans Buhler menggambarkan fenomena ini dengan kenyataannya :⁹

“..cultural diversity is threatened by a second danger, namely that of the mono-culture of the world society. Were this mono-culture of “go west” to assert itself worldwide, I would be able to understand the fear of many fellow human beings of impending cultural changes. It would mean an all-consuming and therefore a “pure” culture. A cultural paradox emerges clearly: This mono-culture would be easier to understand than the current diversity. However, it would have destroyed this diversity which is so vital for our survival for total cultural unity would therefore be at the same time the end of human culture.”

Tanggapan bahawa Barat – masyarakat dan peradabannya - adalah superior berbanding dengan mereka dari bukan-Barat, khasnya Islam, terserlah melalui kenyataan para pemimpin negara-negara Barat. Perdana Menteri Itali Silvio Berlusconi¹⁰, misalnya dalam satu temuramah dengan para wartawan menyatakan : *“We must be aware of the superiority of our civilisation, a system that has guaranteed well-being, respect for human rights and – in contrast with Islamic countries – respect for religious and political rights.”*. Beliau menjelaskan lagi pandangannya dengan menambah bahawa kebesaran peradaban Barat adalah berteraskan kebebasan sepertimana kenyataannya *“... it has its core – as its greatest value – freedom, which is not the heritage of Islamic culture.”* Namun sikap hegemoni dan anti-Islamnya lebih ketara dalam kenyataan berikut *“...the*

⁹ Lihat Hans Buhler, “Surface and Deep Structures: An Essay on Cultural Unity and Diversity”, *Journal Institute of Muslim Minority Affairs*, Volume 14: 1 & 2, January & July 1994, hlm. 66-67

¹⁰ Catatan oleh Koresponden Radio Netherlands di Rome iaitu Marc Leijendekker, 27 September 2003. Lihat laman web: www.rnw.nl/hotspots/html/italy010927.html

West will continue to conquer peoples, even if it means a confrontation with another civilisation, Islam, firmly entrenched where it was 1400 years ago”.

Fenomena dan persepsi terhadap keagungan Barat boleh difahami sebagai satu cerminan kepada sifat hegemoni Barat, khasnya kuasa Amerika Syarikat dalam konteks semasa. Dalam hal ini, Asmadi Idris dalam rumusannya mengenai status hegemoni Amerika Syarikat menjelaskan bahawa keperkasaan hegemoni Amerika Syarikat di persada antarabangsa adalah suatu yang tidak boleh dipertikaikan oleh mana-mana pihak. Beliau menghuraikan:¹¹

“...para pemerhati politik antarabangsa berpendapat bahawa kuasa hegemoni Amerika Syarikat kelihatan lebih ‘agung’ daripada seterunya ini (walaupun tidak dapat dinafikan bahawa tahap kekuatan Amerika Syarikat pada masa tersebut [1960-an dan 70-an] berada dalam keadaan kurang stabil berbanding tahun-tahun sebelumnya). Negara Amerika Syarikat terus ‘merajai’ sistem kepimpinan antarabangsa sehingga hancurnya empayar Soviet Union. Malah keupayaan Amerika Syarikat menguasai kesemua bidang, terutamanya politik dan ekonomi, merupakan contoh terbaik bagi pelaksanaan kuasa hegemoni Gramsci.”

Menurutnya lagi, bagi suatu kuasa hegemoni seperti Amerika Syarikat ini, ia sudah tentu mempunyai pengaruh yang meluas dan kuasanya digeruni. Justeru, negara-negara lain yang relatifnya lemah akan tunduk dan jika tidak, boleh diarah untuk mematuhi peraturan, piawaian dan acuannya melalui pelbagai kaedah, sama ada kuasa ekonomi, budaya, politik mahupun ketenteraan.¹² Dengan ciri-ciri ini sudah tentu penganjuran

¹¹ Asmady Idris, *Amerika Syarikat Satu Kuasa Hegemoni Dunia*, (Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka dan Kem. Pendidikan Malaysia, 2000), hlm. 23

¹² *Ibid.*, hlm. 16

dialog peradaban menjadi sukar kerana kuasa Barat ini cenderung memaksa pendiriannya ke atas pihak lain.

Jika dibandingkan dengan Islam yang juga pernah dianggap kuasa besar dunia dahulu pencapaian dan status hegemoni peradaban Islam adalah begitu berbeza. Mengikut sarjana Islam kuasa kerajaan atau *daulah* Islam tidak bersifat hegemonik seperti kuasa Barat ketika menakluk negara-negara lemah. Sebaliknya, Islam menawarkan dan menjamin kesejahteraan dan hak-hak masyarakat asal negara yang ditakluknya.¹³ Kata-kata seperti Islam tersebar melalui mata pedang hakikatnya adalah suatu dakwaan dan propaganda berniat jahat oleh pihak Barat untuk memberikan gambaran hitam ke atas Islam dan sekaligus mensucikan sikap dan tindakan mereka dalam menunaikan amanah *The White Man's Burden* ke atas dunia bukan-Barat yang tidak bertamadun.

5.3.4 Kepincangan Ilmu dan Maklumat Mengenai Islam

Sama ada disengajakan atau tidak, kerosakan besar telah berlaku kepada imej Islam dan penganutnya di seluruh dunia akibat daripada kesalahfahaman atau kesalahtafsiran Islam oleh dunia Barat. Fenomena ini berlaku kerana dunia Barat, setelah menguasai dunia

¹³ Lihat tulisan mengenai kuasa daulah Islam oleh Hassan al-Banna dan lain-lain. Konsep *ustaziatul alam* seperti yang dibawa oleh Rasulullah sehingga ke zaman Khilafah Uthmaniyyah di Turki memperlihatkan keadilan dan akhlak pemerintahan Islam ke atas negara-negara taklukannya. Islam telah datang ke bumi sebagai rahmat, bukan sebagai suatu kuasa destruktif dan manipulatif. Sebaliknya, masyarakat minoriti dari berbagai latar budaya dan kepercayaan mendapat hak asasi mereka sebagai *kafir dhimmi*. Adapun golongan *kafir harbi* yang menentang kerajaan Islam wajib diperangi kerana ia menghalang pengasasan dan penginstitusian Islam dalam negara.

selepas kejatuhan musuh-musuhnya seperti negara sosialis-komunis dan khilafah Islam di Turki, menjadi pelopor dan pengasas serta penggerak disiplin ilmu dalam semua lapangan kehidupan. Akibat daripada penguasaan ini, Barat telah menjadi penentu dan hala tuju atau orientasi ilmu yang berkembang di seluruh institusi pendidikan di seluruh dunia. Malangnya, dengan menggunakan kesarjanaan mereka, yang turut dipengaruhi oleh kajian dalam orientalisme terutamanya mengenai dunia Islam, mereka melakukan pemalsuan dan penyelewengan terhadap Islam demi untuk mewujudkan keraguan dan ketidakyakinan terhadap Islam yang suci.

Bernard Lewis, seorang orientalis tersohor pada ketika ini, dalam bukunya bertajuk *The Crisis of Islam: Holy War and Unholy Terror*, mungkin kerana motif tertentu, setelah memuji keagungan peradaban Islam silam telah membuat kesimpulan yang negatif tentang Islam apabila ia mengaitkan fenomena terrorisme dengan ajaran Islam. Katanya :¹⁴

“But Islam, like other religions, has also known periods when it inspired in some of its followers a mood of hatred and violence. It is our misfortune that we have to confront part of the Muslim world while it is going through such a period, and when most – though by no means all – of that hatred is directed against us.”

Sebenarnya adalah tidak benar jika Barat menuduh atau membuat dakwaan bahawa Islam adalah agama yang menganjur atau menaja atau menggalakkan umatnya melakukan aksi keganasan terhadap mana-mana pihak yang menentang Islam. Berdasarkan seerah Nabi dan sejarah para Sahabat yang mewarisi khilafah Islam – yang

¹⁴ Bernard Lewis, *The Crisis of Islam: Holy War and Unholy Terror* (Weidenfeld & Nicolson: London, 2003), hlm. 19

telah disebut panjang lebar dalam Bab 2 : Dialog Peradaban – negara dan pemimpin Islam menaungi kehidupan rakyatnya dengan keadilan dan kesamarataan, sama ada Islam mahupun bukan Islam. Kesentosaan dan keharmonian di kalangan pelbagai kabilah atau etnik, budaya dan kepercayaan menjadi bukti bahawa Islam, secara teori dan praktisnya, menawarkan formula kehidupan yang harmoni bagi masyarakat majmuk sejak 1400 tahun lagi. Apa yang berlaku sebenarnya bukanlah keganasan itu dirangsang oleh ajaran Islam tetapi seperti yang telah dihuraikan sebelum ini, ialah wujudnya kumpulan minoriti Islam yang ekstremis atau seumpamanya. Aksi keganasan, jika ada, sebenarnya dilakukan sebagai satu kaedah defensif terhadap keganasan dan kezaliman yang terlebih dulu dikenakan ke atas umat Islam. Perkara ini telah pun disentuh dalam bahagian akhir Bab Lima sebelum ini.

Sebagai tambahan perakuan oleh orientalis berikut boleh memperbetul salah tanggap atau kedhaifan ilmu Bernard Lewis mengenai Islam. Menurut Karen Armstrong, seorang yang pakar dalam perbandingan agama, sebenarnya Islam bukanlah seperti yang difahami dan didakwa oleh Barat. Beliau mengatakan bahawa dia hampir tidak mengetahui mengenai Islam sehingga lah ketika ia terlibat dalam pembikinan filem mengenai sufisme dalam Islam pada tahun 1984. Mengenai dakwaan Islam agama yang tiada toleransi, beliau menafikannya dengan menyatakan bahawa toleransi dalam Islam adalah “*... a quality that I had certainly not encountered in Christianity! This challenged everything that I had taken for granted about Islam and I wanted to learn more*”.¹⁵

¹⁵ Abdullah Y Zalloum, hlm. 390

Begitu juga kajian oleh Marcel A. Boisard mendedah dan memperakukan bahawa ‘perang suci’ (atau jihad) dalam Islam sebenarnya mempunyai motif yang murni, seperti katanya: “*The prime objective of violence is not war as such, nor territorial expansion of the community, nor even religious proselytism, but the establishment of peace in justice*”.¹⁶ Katanya lagi apabila mencari sama ada wujud hubung kait ajaran Islam dengan tindakan kekerasan tentera Islam semasa perang, beliau mendapati bahawa “...*the aggression and violence shown by the Muslim troops at times had no direct connection with the religious doctrine*”.¹⁷ Manakala John L Esposito pula, dengan menggunakan kaca mata objektifnya mendapati adanya perbezaan faktor bagi mencetuskan perkembangan politik Islam berbanding dengan perubahan politik seperti yang berlaku dalam masyarakat bukan Islam. Beliau menyatakan:

“*The secular bias blinds many to the force and role of religion as a source of faith and identity. Political economy is essential in understanding the rise of social movements. However, the force of political Islam cannot be simply be reduced to the socioeconomic failures of societies... We cannot simply portray “fundamentalism” as the child of poverty and unemployment. While the FIS’s support came in large part from Algeria’s unemployed younger generation, the membership of Egypt’s and Jordan’s Muslim Brotherhood, while also attracting disaffected youth, consists in large part of middle- and upper-class professionals(teachers, doctors, lawyers, engineers).*”¹⁸

Pandangan-pandangan seperti ini jelas menunjukkan hakikat sebenar Islam yang merupakan agama kedamaian dan ia tidak boleh dikaitkan dengan kemunduran status

¹⁶ Marcel A. Boisard, *Humanism in Islam* (Kuala Lumpur: Islamic Book Trust, 2003), hlm. 174

¹⁷ *Ibid.*

¹⁸ John L. Esposito, *The Islamic Threat: Myth or Reality?* (New York: Oxford University Press, 1995), hlm. 249-250

sosio-ekonomi apabila wujudnya fenomena perubahan sosio-politik dalam masyarakatnya.

Di samping itu kajian oleh Charles Kimball, profesor agama dan pengerusi Jabatan Agama di Wake Forest University telah menemukan bahawa agama yang dicemari dengan lima tanda berikut yang menyebabkan agama tersebut menjadi dalang atau punca kejahanan. Ini berlaku apabila agama tersebut :¹⁹

1. mendakwa kebenaran mutlak (*absolute truth claims*)²⁰
2. ketiaatan membabi-butu (*blind obedience*)
3. mewujudkan masa ‘ideal’ (*establishing ‘ideal’ time*)²¹
4. matlamat menghalalkan cara (*The ends justifies any means*)
5. mengisyiharkan Perang Suci (*Declaring Holy War*)²²

Penemuan beliau menjadi hujah jelas bahawa fenomena pencemaran agama boleh terjadi kepada mana-mana agama, dan tidak semestinya terjadi kepada Islam semata-mata.²³

¹⁹ Charles Kimball, *When Religion Becomes Evil* (HarperSanFrancisco Publisher : New York, 2002)

²⁰ Dalam Islam, kebenaran sememangnya mutlak milik Allah s.w.t. Justeru, tanda pertama ini tidak selari dengan akidah Islam.

²¹ Tanda ini merujuk kepada usaha-usaha untuk mewujudkan institusi atau wilayah atau negara atas nama agama. Misalnya negara Islam (*Islamic state*), negara Yahudi (*Jewish state*), atau ‘*a Christian America*’. Untuk huraian lanjut lihat Charles Kimball, hlm. 100-121.

²² Perang suci dalam Islam adalah jalan terakhir apabila musuh Islam menyerang dengan niat menghancurkan kedaulatan negara dan umat Islam. Ia bukan bersifat ofensif apatah lagi sebagai kaedah *pre-emptive* yang dilakukan oleh AS ke atas Iraq sekarang.

²³ Ajaran Islam, walaubagaimanapun masih terpelihara keasliannya semenjak Al-Quran diwahyukan kepada Muhammad S.A.W. dan Sunnah Rasul diinstitusikan dalam masyarakat Islam. Kedua-dua sumber autentik Islam ini, khususnya al-Quran tidak pernah mengalami perubahan seperti penyuntingan, semakan semula, penokok tambahan oleh para ulama atau cendekiawan Islam. Ini berbeza dengan Injil yang telah mengalami pindaan hingga terhasilah Old Testament dan New Testament. Maksud pencemaran dalam konteks perbincangan di atas ialah penyalah tafsiran oleh segelintir pengikutnya sehingga melahirkan

5.3.5 *Taboo*

Di samping itu, Kamar Oniah Kamaruzaman menyenaraikan halangan-halangan sebagai *taboo* atau fobia di kalangan peserta aktiviti dialog antara agama. Beliau telah menggariskan dua belas halangan iaitu :²⁴

1. Bertukar agama atau murtad - Ketakutan bahawa seseorang akan bertukar agama atau menjadi murtad (bagi Islam) apabila terpengaruh dengan akidah rakan sedialognya.
2. Penghakisan keimanan - Prasangka bahawa perdebatan dalam dialog boleh menipiskan keyakinan asal seseorang.
3. Perasaan bimbang (*Defensiveness*) – kebimbangan seseorang untuk mendengar sesuatu yang tidak elok mengenai agamanya dalam sesi dialog.
4. Malu – kekhuatiran bahawa seseorang mungkin dimalukan jika dia tidak dapat memperjelaskan agamanya dengan baik.
5. Merugikan (*Disservice*) – kerisauan jika seseorang tidak mampu memperjelas atau mempertahankan pandangan agamanya dalam dialog.
6. Kompleks inferioriti – kegentaran (psikologi) untuk memberikan khidmat terbaik untuk terlibat dalam dialog.
7. Inuendo sosial - perasaan tidak selesa bahawa rakan sedialog akan mempersoalkan kepercayaan terhadap agamanya jika dilihat mempunyai hubungan dengan pengikut agama lain

aliran-aliran ekstrim dan fanatik. Keseluruhannya umat Islam masih berpegang kepada pandangan dan ajaran yang disahkan oleh *jumhur 'ulamak*.

²⁴ Kamar Oniah Kamaruzaman, “Inter-Faith Dialogue: Moving Forward; Setting the Premises and Paradigms” dlm. *Religion and Culture in Asia Pacific : Violence or Healing?*, Joseph A. Camileri, ed.. (Pax Christi: Victoria, 2001), hlm. 114

8. Keciciran politik – halangan yang dikenakan oleh sebahagian kerajaan atau institusi ke atas aktiviti dan dialog antara agama.
9. *Taboo* – wujud kepercayaan tahuyl bahawa penyertaan dalam dialog atau mengunjungi rumah ibadat agama lain akan membawa kecelakaan atau seumpamanya.
10. Syak wasangka – ketidakyakinan terhadap motif dan haluan program dialog dan keikhlasan rakan dialog dan pengajur.
11. Agenda politik – ketakutan yang seseorang itu boleh dipujuk, ditipu atau dipaksa untuk menyokong agenda politik hingga memudaratkan kesejahteraan agama dan komunitinya.
12. Mimpi ngeri sejarah – kenangan ngeri, yang silam dan dekat, mengenai pertembungan yang memilukan dengan komuniti agama lain.

Huraian di atas menerangkan mengenai halangan-halangan yang boleh wujud baik di kalangan umat Islam maupun Barat. Menyedari wujudnya halangan-halangan ini, bab berikut akan menjelaskan pula kaedah-kaedah yang boleh dipraktikkan bagi mengatasinya agar dialog peradaban terus dapat diinstitusikan di antara Islam dengan Barat.